

**TEKS UCAPAN PRESIDEN PERSATUAN WANITA UMP DI MAJLIS HI-TEA MATAHARI
UMP PADA 14 FEBRUARI 2022**

KATA-KATA ALUAN PENGERUSI

BISMILLAHIRAHMANIRAHIM

Assalamualaikum wmt, salam sejahtera serta salam Keluarga Malaysia.

Salutations

Saudara/Saudari Pengacara Majlis.

YABhg Datin Sri Dato' Burhah Mohamed

Isteri YAB Menteri Besar Pahang

YB. Dato' Sri Syed Ibrahim Syed Ahmad

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan Negeri Pahang

YH. Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin

Menjalankan fungsi sebagai Naib Canselor

serta isteri, YBhg Datin Hajjah Noraziza Sabarudin

YM Tengku Dato Asmaliza binti Ku Lah

Pegawai Daerah dan Tanah Kuantan

YH Dato' Sri Maznah Mazlan

Pengerusi NCWO Zon Pantai Timur

YBhg Datin Firdhaus Md Yatim

Pengerusi Puspanita Daerah Pekan

YBhg Datin Sri Fazia Ali

Bekas Penasihat Persatuan Wanita UMP

Dif-Dif Jemputan

Ahli J/K MATAHARI, Ahli-ahli MATAHARI , anak-anak yatim dan asnaf yang diraikan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu, Alhamdulillah bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya kita dapat bersama berkumpul di Majlis Hi-Tea serta Santapan rohani pada hari yang bahagia ini. Semoga majlis ini dapat berjalan dengan lancar dan berjaya mencapai matlamatnya.

Ucapan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada insan istimewa kita isteri YAB Menteri Besar Pahang, YABhg. Datin Sri Dato' Burhah Mohamed yang sudi hadir bersama untuk merasmikan majlis pada petang ini .

Ucapan terima kasih juga kepada seluruh dif jemputan yang dapat menghadirkan diri pada petang ini.

Untuk makluman YABhg Datin Sri Dato serta jemputan Khas YB Dato, YH Dato-Dato, YBhg Datin Sri-Datin Sri serta Datin-datin dan Tuan-tuan serta Puan-puan dan anak-anak yang dikasih sekalian.

Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan silaturrahim di antara MATAHARI UMP dan pihak organisasi luar seperti TERATAI ,NCWO dan PUSPANITA disamping sesama ahli yang telah lebih 2 tahun tidak dapat bersama kerana Perintah Kawalan Pergerakan(PKP) dan keadaan yang tidak mengizinkan seperti bencana alam , banjir yang berlaku pada akhir tahun 2021. Majlis hi-tea ini juga sebagai tanda ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya serta AJK kepada ahli-ahli Persatuan Wanita UMP yang dikenali sebagai MATAHARI yang telah menyumbang tenaga serta wang ringgit di dalam merealisasikan segala aktiviti persatuan sejak ia ditubuhkan pada 3 Disember 2009.

Bagi memperolehi lebih keberkatan, petang yang amat indah ini juga kita mengadakan majlis ilmu bertajuk **“POSISI,TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KAUM HAWA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM”** yang akan di sampaikan oleh
YB Dato Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad , Pengurus Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam,Pelajaran dan Kesihatan Negeri Pahang

Saya bagi pihak Persatuan Wanita UMP (MATAHARI) mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian YB Dato Sri hadir pada petang ini, walaupun jadual tugas YB Dato Sri sangat penuh.

Saya juga mengalau-alukan kehadiran semua ahli MATAHARI UMP yang dikasih, kerana dapat meluangkan masa bersama-sama untuk menjayakan majlis pada hari ini walaupun terikat dengan tugas sebagai penjawat awam, isteri, ibu dan anak kepada keluarga.

Untuk makluman YABhg Datin Sri Dato dan Dif jemputan khas serta ahli-ahli MATAHARI yang dikasih semua....MATAHARI adalah merupakan petubuhan yang ditubuhkan bertujuan melakukan kerja amal dan kebajikan, meningkatkan tahap sosio ekonomi melalui program berbentuk pendidikan serta latihan kemahiran dan pembangunan diri serta keluarga. Terdapat pelbagai program yang telah dijalankan sejak tahun 2009 seperti “Back to school” serta Empower ECER Mahkota Kuala Pahang. Bagi ahli -ahli MATAHARI di antara kebaikan yang diperolehi seperti hadiah kecemerlangan anak-anak, bantuan one-off yang menghadapi bencana seperti banjir atau jatuhan sakit serta hadiah menunaikan haji dan umrah serta hadiah perkahwinan. Bagi komuniti setempat dan masyarakat yang memerlukan, MATAHARI UMP

sentiasa berusaha untuk sama-sama menghulurkan bantuan demi meringankan beban yang ditanggung. Malahan MATAHARI bukan sahaja menghulurkan bantuan hanya di Malaysia, malahan kerja amal ini telah dilaksanakan ke Aceh untuk membantu anak-anak yatim akibat Tsunami gegaran magnitudo berskala 9.1-9.3 yang amat dahsyat pada tahun 2004. Jika dilihat keperitan hidup anak-anak yatim di sana jauh lebih menyedihkan dan sangat meruntun jiwa . Saya masih ingat lagi, apabila ditanya kepada seorang anak yatim di sana, apakah yang paling dia tidak akan lupakan dalam hidupnya?....Jawapannya sangat ringkas. "Kehilangan ibu, ayah dan adik beradik yang terlepas dari tangan semasa berpegangan ketika dihanyutkan.....di dalam Tsunami itu. Usia anak ini hanya 12 tahun ketika saya bertanya, dan kejadian itu telah berlaku 6 tahun sebelumnya. MATAHARI ke rumah anak yatim di Aceh pada ketika itu membuat program pembekalan air bersih di rumah tersebut serta menyerahkan bantuan berupa kewangan dll. Namun di Malaysia kita adakalanya menghadapi masalah di mana anak-anak yang menolak kasih sayang ibu bapa sehingga berlaku kes seperti penderaan dan yang lebih zalim dan menyayat hati hingga sanggup membunuh ibubapa sendiri.

YABhg Datin Sri Dato, YB Dato dan dif-dif kehormat, Pesanan saya untuk diri sendiri serta sahabat yang dikasih semua, sebagai ahli MATAHARI adalah amat penting bagi kita semua meneruskan kesinambungan kerja-kerja sukarelawan yang telah dilaksanakan sejak tahun 2009 demi kebaikan semua pihak. Mungkin dengan sedikit keikhlasan yang kita lakukan ini dapat memberi kebaikan kepada yang memerlukan. Seperti sediaaklum keadaan masa ini amat mencabar. Banyak perkara berlaku tanpa dijangka ataupun diduga. Masalah yang dihadapi juga pelbagai seperti masalah Covid 19 mengakibatkan timbulnya masalah hilang pekerjaan, hilang punca pendapatan,keciciran anak-anak dalam pelajaran, stress dan pelbagai lagi. Sebagai sebuah organisasi ,semua ahli mestilah sentiasa bersedia untuk saling membantu apabila ada ahli menghadapi kesukaran seperti sakit, menghadapi bencana mahupun kemalangan yang tidak dijangkakan. Sebagai contoh apabila wabak Covid 19 berlaku sejak hujung 2019 , kami Persatuan Wanita UMP(MATAHARI) tidak terkecuali membantu dengan cara tersendiri seperti menyampaikan bakul makanan kepada yang terkesan. Lebih 100 bakul makanan telah diserahkan kepada ahli serta komuniti UMP yang terkesan pada tahun 2021. Apabila banjir pula berlaku pada Disember tahun lalu, MATAHARI juga telah sama-sama berganding bahu membantu ahli yang menjadi mangsa. Kami bergerak dalam kumpulan yang kecil demi menjaga SOP apabila keadaan mempraktikkan norma baru dalam kehidupan. Namun ia tidak mematahkan semangat MATAHARI untuk terus bersama-sama membantu yang memerlukan.

Seperti sedia maklum, dengan kewujudan UMP sebagai sebuah IPTA di negeri Pahang yang memfokuskan pendidikan , MATAHARI juga tidak terkecuali di dalam menjalankan aktiviti meningkatkan tahap pendidikan anak-anak. Pelbagai aktiviti pendidikan telah dijalankan oleh MATAHARI kepada anak-anak, juga anak yatim dan asnaf di sekitar Kuantan dan Pekan. Malahan tahun ini MATAHARI akan bergerak lebih luas dengan keluar dari Daerah Kuantan dan Pekan. Bergantung dengan jumlah kewangan yang sesuai yang ada.

YABhg Datin Sri Dato serta dif jemputan,

MATAHARI juga bergerak membantu memotivasi anak-anak melalui program Kem Cuti Sekolah, program "Back To School", program interaktif dan yang menggunakan peralatan teknologi IT Sebagai contoh program hari ini juga merupakan program motivasi kepada anak-anak yang hadir hari ini untuk terus berjaya dalam kehidupan melalui pendidikan...Bulan Mac ini merupakan tingkat peralihan darjah anak-anak yang bersekolah. Ini kerana dengan ilmu telah terbukti kita dapat meningkatkan tahap ekonomi kehidupan serta merubah nasib keluarga.

Persatuan juga tidak lupa memberi pendedahan kepada mahasiswa /siswi serta kaum wanita tentang hak dan peranan golongan ini apabila berdepan dengan masyarakat.

Interaksi social penting untuk memberi pembentukan sahsiah diri atau dikenali sebagai kemahiran *softskill* yang perlu ada setiap insan terutama apabila bersama masyarakat.

Usaha yang ahli telah laksanakan selama ini, amat saya hargai dan tidak dapat dibalas dengan wang ringgit. Sesungguhnya hanya Allah sahaja yang dapat membala setiap kebaikan tersebut.

Akhir sekali, saya mengambil kesempatan ini, merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak-pihak yang telah bersama-sama membantu menjayakan aktiviti MATAHARI selama ini. Terutamanya kepada YAB Menteri Besar Pahang, Dato Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, Kerajaan Negeri Pahang yang tidak pernah menghamparkan setiap permohonan yang kita ajukan selama ini, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang , Pengurusan Tertinggi UMP sendiri yang diketuai oleh YH Prof Dato VC, YH Tan Sri dari Yayasan UMP, UMP Holdings, UMP Advanced , ECERDC serta lain-lain seperti pihak TERATAI yang diketuai oleh YABhg Datin Sri Dato sendiri, NCWO YBhg Dato Sri Maznah dan PUSPANITA , Datin Firdhaus serta individu yang tidak dapat saya senaraikan di sini.

Bantuan, suntikan kewangan dan sokongan secara profesional oleh pelbagai pihak, ini telah menjayakan aktiviti gerakan MATAHARI dan seterusnya mendorong kelangsungan pembangunan MATAHARI supaya dapat bertindak sebagai salah satu wadah membangunkan agenda SUKARELAWAN Negara secara cost effective.

Akhir kata, saya sekali lagi mewakili Persatuan Wanita UMP(MATAHARI) merakamkan jutaan terima kasih kepada YABhg Datin Sri Dato Burhah Bt Mohamed serta dif kehormat di atas kesudian bersama di majlis Hi-Tea MATAHARI UMP pada petang ini. Sebarang kekurangan saya mohon maaf bagi pihak pengajur majlis. Sekian wassalamualaikum wmt.

Disediakan oleh:

Datin Dr Hajah Mazita Hj Mokhtar, AMP.
Presiden Persatuan Wanita UMP(MATAHARI)